

# Kerajaan, masyarakat perniagaan perlu yakin penilaian sendiri

KLJALA LUMPUR 6 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan dan masyarakat perniagaan tidak seharusnya terikat dengan satu sistem atau ideologi sahaja untuk berkembang dalam dunia hari ini yang begitu mencabar.

Beliau sebaliknya berpendapat kedua-dua pihak perlu menaruh keyakinan terhadap penilaian sendiri yang bebas melakukan apa yang terbaik untuk mencapai matlamat yang diinginkan.

Bagi Dr. Mahathir, amat tidak wajar membuat keputusan mengikut sistem yang ada secara membuta tuli atau kerana terpengaruh dengan laporan-laporan sensasi.

"Jika kita perlu mengundur setapak atau lebih ke belakang untuk maju, maka kita perlu bersedia melakukannya. Jika kita salah memilih jalan dan hilang haluan, jangan takut mengakuinya dan kembali ke pangkal jalan.

"Kita tidak patut terikat-ikat dengan pakar teori dan frasa mereka, orang yang tidak pernah menguruskan apa-apa pun kecuali menerbitkan buku mereka," katanya.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesvuarat Agung Antarabangsa Ke-35 "Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di Hotel Mandarin Oriental di sini, hari ini.

PBEC dihadiri pemimpin-pemimpin kerajaan dan tokoh perniagaan rantau Pasifik bertujuan berkongsi

pandangan dan merangka dasar-dasar untuk menjana kesan positif kepada perdagangan dan pelaburan di negara terlibat dan ekonomi dunia.

Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo turut dijadual memberikan ucapan pada majlis makan tengah hari PBEC esok.

Menurut Dr. Mahathir, terdapat banyak cara untuk berurusan dengan kerajaan mahupun ahli-ahli perniagaan yang menghadapi kegagalan.

Namun yang pasti katanya, sistem-sistem tidak akan dapat menyelamatkan mereka, tetapi pemahaman terhadap realiti hidup dan cara-cara menanganinya tanpa dikongkong oleh fikiran ortodoks yang akan membantu.

Beliau menarik perhatian, ketika berhadapan dengan krisis kewangan Asia. Malaysia menolak kaedah ortodoks dan mencari penyelesaiannya sendiri untuk menangani masalah kegawatan ekonomi.

"Hari ini hanya mereka yang 'buta' sahaja yang enggan mengakui bahawa kita telah pulih lebih baik dan lebih cepat berbanding mereka yang mengguna pakai kaedah yang disarankan (Tabung Kewangan Antarabangsa)," katanya.

Bagi Perdana Menteri, rahsia kejayaan Malaysia ialah keupayaan negara melihat melangkaui kaedah-kaedah, mekanisme, sistem, amalan dan peraturan sedia ada dan melakukan perkara yang di luar kebiasaan.

Beliau bagaimanapun mengakui

itu sahaja belum mencukupi tanpa pasukan pengurusan semasa krisis yang dan asas-asas yang baik dan cekap.

Dalam usaha membina semula keyakinan pelabur dan pelanggan, Perdana Menteri berkata, kerajaan dan masyarakat perniagaan tidak perlu takut menggunakan semula cara lama sehingga cara baru yang lebih baik ditemui.

Baginya, krisis ekonomi Asia, ketidakupayaan pemulihan Jepun, kemusnahan kewangan Argentina dan kegagalan syarikat-syarikat gergasi seperti Enron, Global Crossing dan Arthur Andersen merupakan bukti kukuh bahawa sistem yang ada sekarang tidak beralian baik.

"Cara lama bukan semuanya tentang rasuah, kronisme dan kurang ketelusan," katanya.

Perdana Menteri berkata, sunguhpun Jepun dikutuk kerana hubungan kerja yang erat di antara kerajaan dan sektor swasta, negara secara terbuka mengguna pakai pendekatan itu di bawah Persyarikatan Malaysia.

"Kita tidak nampak kenapa kita tidak patut mengambil pendekatan ini memandangkan kerajaan berhak ke atas 28 peratus keuntungan daripada cukai korporat. Ada cukai-cukai lain yang dinikmati oleh kerajaan apabila perniagaan berkembang dan berjaya," katanya.

Menurutnya lagi, dengan membantu syarikat-syarikat membuat untung, secara tidak langsung juga membantu kerajaan dan rakyat me-

nerusi peruntukan besar yang dibelanjakan daripada keuntungan itu.

Dr. Mahathir pelik dengan kecenderungan sesetengah pihak mempersoalkan tindakan kerajaan membantu syarikat tempatan, tetapi pada masa yang sama tidak teragak-agak pula meminta keistimewaan untuk syarikat asing.

Hakikatnya, kata beliau, kerajaan mempunyai peranan dalam perniagaan lantas hak untuk membantu kejayaannya menerusi kerjasama kerajaan dan swasta, bukan milik negara tertentu seperti Eropah sahaja.

Mengenai globalisasi, Dr. Mahathir melahirkan kebimbangan Malaysia mengenai perkongsian saksama faedah sambil mengingatkan supaya mengelak terperangkap dengan kepercayaan bahawa sistem atau ideologi semata-mata boleh menyelesaikan masalah manusia.

"Harapan kita dalam menghadapi globalisasi, negara-negara anggota pertubuhan seperti PBEC dapat bekerjasama membuat tafsiran dan mentafsir semula, agar dapat dilaksanakan dengan sasaran tertentu.

"PBEC tidak boleh terlalu taksud dengan globalisasi sehingga dipaksa menerima konsepnya tanpa mengira kesakitan dan kesengsaraan yang dibawa bersama," katanya.